

PM sedia jadi perantara redakan ‘perang’ antara Zahid, Guan Eng

Perselisihan dua pemimpin bukan perkara jejas kerjasama dalam gabungan politik Kerajaan MADANI

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersedia menjadi perantara bagi meredakan perselisihan antara pemimpin utama parti komponen Kerajaan Perpaduan.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) memberi jaminan itu, selain menyifatkan perselisihan antara kedua-dua pemimpin berkenaan sebagai bukan perkara yang akan menjejaskan kerjasama antara gabungan politik dalam Kerajaan MADANI.

“Kita akan redakan. Soal Guan Eng (Pengerusi DAP, Lim Guan Eng) (berselisih pendapat dengan Ahmad Zahid (Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Ahmad



Zahid Hamidi) kita akan redakan.

“Kalau sikit-sikit (Guan Eng mengemukakan kenyataan sensitif), tak ada masalah (beliau) mahu buat *statement* (kenyataan),” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Datuk Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif melawat Lestari Niaga MADANI @ Wirawati, di sini.

Usah singgung UMNO

Kelmarin, Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO mengingatkan Guan Eng, supaya tidak menyinggung UMNO yang bersama dalam membentuk Kerajaan Perpaduan.

Ahmad Zahid dilaporkan berkata, zaman pemimpin DAP itu



Anwar melihat pelan pembangunan Lestari Niaga MADANI @ Wirawati ketika melawat Lestari Niaga MADANI @ Wirawati di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aizudin saad/BH)

sudah berlalu dan seharusnya Ahli Parlimen Bagan terbabit memberi kepercayaan kepada pimpinan baharu parti berkenaan.

Kenyataan Ahmad Zahid itu sebagai reaksi terhadap kenyataan Guan Eng sebelum ini yang mengingatkan UMNO bahawa seba-

rang program bersama parti pembangkang khususnya PAS akan menimbulkan keraguan mengenai kestabilan politik dan kedudukan parti itu dalam Kerajaan Perpaduan.

Guan Eng dilaporkan berkata, ia termasuk perhimpunan solidari- ti atau demonstrasi terutama

himpunan aman tanda solidariti kepada Datuk Seri Najib Razak pada Isnin ini.

Katanya, UMNO perlu sedar sebarang program bersama parti pembangkang akan menimbulkan keraguan mengenai kestabilan politik dan kedudukan UMNO dalam Kerajaan Perpaduan.